



Buletin SPANS (Julai - September 2020)

Visi: Sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Yang Diteladani
Strategy Oriented, Productivity, Accountability, Neutrality, Speed
KELUARAN TERHAD : Bil.3/2020- Seksyen Dasar, Kualiti dan Perhubungan


KANDUNGAN

01 Berita semasa	02 KKSPA 1996	03 Aktiviti SPANS	04 Aktiviti Kelab
05 Motivasi Diri	06 Sudut Bahasa	07 Kenali Ahli Suruhanjaya Anda	08 Lensa
09 Obituari			

1. Berita semasa

Kunjungan Hormat ke atas YAB Ketua Menteri

Rombongan Suruhanjaya yang diketuai oleh Pengerusi SPANS iaitu YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariff dan diiringi Ahli-Ahli Suruhanjaya iaitu YBhg. Datu Hajah Jabidah binti Monseri, YBhg. Datu Hajah Rabiah binti Johari serta Setiausaha SPANS iaitu Encik Fathi bin Haji Hambali telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Ketua Menteri di Pejabat beliau di Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia pada 17 Julai 2020.



Staf baharu melapor diri

Selamat datang ke SPANS kepada Cik Jesper Biah anak Uli, Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29 (Kontrak) dan Puan Fiona ak Blin, Pembantu Tadbir (PTPO), Gred N19 yang masing-masingnya telah melapor diri pada 13 Julai 2020 dan 10 Ogos 2020.



Jesper Biah anak Uli



Fiona anak Blin

2. KKSPA 1996

Tindakan tatatertib bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional

- 16.—(1) Sekiranya seseorang Ketua Jabatan menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa seseorang pegawai awam di dalam jabatannya, yang tergolong dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, telah melakukan apa-apa perbuatan salah laku atau pelanggaran dari jenis yang dinyatakan dalam kaedah 15, maka dia hendaklah menjalankan atau menyebabkan dijalankan penyiasatan yang perlu dan melaporkan perkara itu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.
- (2) Sebaik sahaja menerima laporan itu daripada Ketua Jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah, jika dia berpuas hati bahawa terdapat keterangan *prima facie* yang pegawai itu telah melakukan apa-apa perbuatan salah laku atau pelanggaran yang diadukan itu, meneruskan tindakan tatatertib terhadap pegawai itu mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

3. Aktiviti SPANS

Bil	Bulan Julai	Tarikh
1	Temuduga Pengambilan Siri 12 – Rumah Sarawak	30/6- 1/7
2	Temuduga kenaikan pangkat siri 11 & 12	6 - 9
3	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Bil.2/2020	8
4	Temuduga kenaikan pangkat siri 13	14
5	Mesyuarat SPANS Bil.4/2020	15
6	Mesyuarat Tatatertib Bil.4/2020	15
7	Kunjungan Hormat ke atas YAB Ketua Menteri	17
8	<i>Budget Exam - SFS</i>	21
9	Temuduga BPKNS – Sri Aman	23-24
10	Temuduga Pengambilan Siri 13 - Mukah	27 - 29
11	Temuduga BPKNS – Sibu & Kapit	27 - 29
12	Temuduga BPKNS – Bintulu & Mukah	27 - 29
13	Temuduga BPKNS – Miri & Limbang	27 - 29

Bil	Bulan Ogos	Tarikh
1	Temuduga BPKNS – Kuching	8
2	Mesyuarat SPANS Bil.5/2020	18
3	Mesyuarat Tatatertib Bil.5/2020	18
4	Mesyuarat MBJ Bil.2/2020	16
5	Mesyuarat GMAC Bil.2/2020 – Damai Beach Resort	27

Bil	Bulan September	Tarikh
1	Temuduga Pengambilan siri 14 (Sibu)	3
2	Temuduga Pengambilan siri 15 (Kuching)	3 - 4
3	Temuduga Pengambilan siri 16 (Miri)	4
4	Temuduga Pengambilan siri 17 (Kuching)	7 - 8
5	Temuduga Pengambilan siri 18 (Miri)	7 - 8
6	Temuduga Pengambilan siri 19 (Miri)	7
7	Temuduga Pengambilan siri 20 (Miri)	8-9
8	Temuduga Pengambilan siri 21 (Sibu)	9 - 10
9	Temuduga Pengambilan siri 22 (Sibu)	9 - 10
10	Temuduga Pengambilan siri 23 (Kuching)	15
11	Lawatan Sambil Belajar ke Repositori Pustaka Negeri Sarawak	15
12	Sesi Libat Urus Bersama pihak Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak	15
13	Temuduga Pengambilan siri 24 (Sarikei)	22
14	Temuduga Pengambilan siri 25 (Sibu)	22-23
15	<i>E-recruitment 2nd System Review</i>	23
16	Temuduga Pengambilan siri 26 (Miri)	24 - 25
17	Mesyuarat <i>Taskforce</i> Pengurusan Rekod SPANS	25
18	Temuduga Pengambilan siri 27 (Sri Aman)	29 - 30
19	Majlis Perjumpaan dan Penghargaan Bersama Setiausaha SPANS	29
20	Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Hutan berkenaan Pengambilan Pelatih Sijil Pengawas Hutan	30
21	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Bil.3/2020	30

4. Aktiviti Kelab

Mesyuarat kelab yang telah diadakan pada 10 Julai 2020 telah memutuskan untuk tidak mengadakan sebarang aktiviti sehingga 31 Ogos 2020 selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Pada 10 September 2020, kelab sekali lagi bermesyuarat dan telah memutuskan untuk mengadakan beberapa aktiviti berikut:

1. Sambutan Hari Lahir Warga Kerja Januari – September 2020 pada 29 September 2020.
2. Aktiviti Hiking di Gunung Serapi pada 3 Oktober 2020.
3. Pertandingan **“Champion Menurunkan Berat Badan SPANS 2020”** – 5 Oktober 2020.



5. Motivasi diri



**“ TAK PERLU KESANGSIAN
TERHADAP KITA DIJAWAB
DENGAN KATA-KATA.
JAWABLAH DENGAN
KERJA YANG NYATA ”**

Susilo Bambang Yudhoyono

6. Sudut Bahasa

1. Kerinting ejaan betul keriting
2. Bergu ejaan betul beregu
3. Mengenengahkan ejaan betul mengetengahkan
4. Mengenepikan ejaan betul mengetepikan
5. Sihat walafiat ejaan betul sihat wal afiat
6. Majerin ejaan betul marjerin

7. Kenali Ahli Suruhanjaya Anda

DATU ROMIE SIGAN DANIEL – TIMBALAN Pengerusi SPANS



Tanggal 10 September 1968, beliau melapor diri sebagai Pegawai Tadbir atau lebih dikenali sebagai SAO (Sarawak Administrative Officer) di Pejabat Daerah Limbang, Bahagian Limbang. Sepanjang beliau menjalankan tugas sebagai seorang SAO, beliau berkhidmat di Nanga Mendamit, Ulu Limbang, Lawas dan Sundar. Selanjutnya pada tahun 1975, beliau meneruskan perkhidmatannya di Engkilili, Bahagian Sri Aman. Lantas dari tahun 1976 sehingga 1980, beliau telah bertugas di Song, Bahagian Kapit. Selepas itu, pada tahun 1981 beliau telah dilantik sebagai Pemangku Pegawai Daerah Kapit, Bahagian Kapit sehingga awal tahun 1982.

Beliau kemudian ditukarkan ke Pejabat Daerah Miri, Bahagian Miri untuk menjawat jawatan sebagai Penolong Pegawai Daerah. Dari tahun 1986 hingga 1988, beliau turut menaburkan bakti sebagai Pegawai Pembangunan

Bahagian di Bahagian Sarikei. Beliau seterusnya telah ditempatkan di Kementerian Pembangunan Sosial, Sarawak pada 1989 dengan menjawat jawatan sebagai Ketua Penolong Setiausaha. Pada tahun 1994, beliau merupakan graduan Pasca Siswazah Diploma Sains Pengurusan daripada Institut Tadbiran Awam (INTAN), Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Seterus itu, pada tahun 1995 hingga 1997, beliau kemudiannya kembali ke Sarawak dan menyumbangkan kepakaran dan kemahiran beliau di Unit Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

Pada tahun 1997 - 1998, beliau telah menjalani latihan dalam perkhidmatan di Birmingham, United Kingdom dan dianugerahkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perkhidmatan Awam (Antarabangsa). Sesudah itu, beliau kembali untuk terus berbakti di Jabatan Ketua Menteri, Sarawak. Pada awal tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Residen, Bahagian Miri sehingga pada bulan Februari, 2002. Pada 26 Mac 2002, berkat dari kepakaran dan kecekapan beliau dalam mengendalikan setiap tanggungjawab yang telah diamanahkan, beliau telah diberi kepercayaan untuk menerajui dan memimpin pentadbiran pembangunan di Bahagian Betong sebagai Residen Betong yang Pertama dilantik sehinggalah pada 31 Disember 2016.

Pada tanggal 3 Januari 2017 sehingga kini, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

Pengalaman Terindah / Bermakna / Istimewa

Kejayaan dalam memilih seorang calon yang berkelayakan dan berkebolehan untuk mengisi kekosongan jawatan melalui proses siri temu duga pengambilan merupakan satu kepuasan dan sebuah pengalaman yang bernilai. Calon-calon yang dipilih dijamin dengan masa depan yang cerah di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Pengalaman manis sebagai seorang Ahli Suruhanjaya turut dirasai semasa proses temu duga dan pemilihan calon-calon terbaik untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi berdasarkan merit dan kelayakan. Dari situ juga, kami dapat melihat calon-calon yang telah dipilih memanfaatkan peluang yang diberi dengan mengecapi matlamat dan maju dalam kerjaya. Saya berpegang teguh pada prinsip bahawa seorang calon mesti mempunyai kelayakan dan kebaktian untuk diambil bekerja atau dinaikkan pangkat. (must earn your position by merit)

DATU ROBERT BALANGALIBUN – AHLI SURUHANJAYA



Beliau telah dilahirkan pada tahun 1955 dan berasal dari keluarga petani miskin di Bario Asal, Daerah Baram, Bahagian Miri. Beliau mendapat pendidikan awal darjah 1 hingga 4 di Pa Main yang terletak di tengah-tengah pergunungan Bario dan jarak perjalanan kebiasaannya dengan berjalan kaki memakan masa antara satu hari atau seminggu bergantung dengan keadaan cuaca. Beliau kemudian berpindah ke Bario Asal untuk melanjutkan persekolahan darjah 5 hingga 6 di Sekolah Rendah Bario. Pada tahun 1966, beliau menyambung pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kerajaan Marudi sehingga tahun 1970. Beliau telah berpindah ke Kolej Tanjong Lobang untuk beberapa bulan dan kemudian berpindah ke Sekolah Menengah St. Thomas, Kuching untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan 6 rendah dan atas.

Di Kuching, beliau menetap bersama-sama dengan ibu bapanya di Siol Kandis. Bapa beliau bekerja sebagai "Collector" di Muzium Sarawak. Beliau kemudian memohon dan berjaya mendapat biasiswa kerajaan persekutuan untuk menyambung pelajaran di Universiti Malaya pada tahun 1974 hingga 1977 dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Hubungan Antarabangsa).

Pada September 1977, beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik dan berkhidmat di Kementerian Perdagangan dan Industri (Bahagian Antarabangsa) sehingga Jun 1980. Beliau kemudian ditempatkan di Pejabat Setiausaha Persekutuan Kuching pada Julai 1980. Dalam tahun 1982 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pegawai Kewangan Persekutuan di Pejabat Kewangan Persekutuan, Kuching dan berkhidmat selama lapan (8) tahun sehingga tahun 1990.

Dalam pada itu, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di Ashland University, Ohio, USA dan memperolehi MBA dalam bidang pengurusan pada tahun 1992. Sekembali beliau ke Malaysia dalam tahun 1993 sehingga 1995, beliau telah ditempatkan di Kementerian Perdagangan

dan Industri di bahagian Industri Kecil dan Sederhana. Kemudian pada tahun 1996 hingga 1997, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Ekonomi (Kaunselor Perdagangan) di kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand. Pada 1hb April 1997, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Imigresen Sarawak sehingga Julai 2015 dan merupakan antara pegawai yang paling lama berkhidmat (19 tahun) sebagai Pengarah Imigresen di Malaysia.

Beliau dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada 1 Mac 2017 sehingga sekarang. Beliau merasa adalah menjadi satu penghormatan dan kebanggaan untuk berkhidmat sebagai ahli yang mewakili masyarakat Orang Ulu.

DATU ABDILLAH BIN ADAM – AHLI SURUHANJAYA



Lahir di Kampung Pelandok, Daerah Simunjan pada 17 Ogos 1954. Berasal dari sebuah keluarga yang miskin dan serba kekurangan. Ayah seorang petani yang bergantung hidup kepada tanaman kelapa, pisang, jagung dan padi. Ibu suri rumah tangga sepenuh masa menjaga 12 orang anak. Ayah yang juga imam kampung telah meninggal dunia semasa dia berumur 10 tahun (darjah 4). Keperitan hidup di kampung yang terlalu terpencil ketika itu telah mendorong ibu untuk berhijrah ke Kuching pada tahun 1965 dengan harapan untuk mencuba kehidupan baru mengikut jejak langkah abang-abangnya. Beliau terpaksa menunggu sehingga tahun 1966 untuk menamatkan pendidikan sekolah rendah sebelum mengikut ibu ke Kuching. Penghijrahan keluarga ke Kuching telah memberi impak besar dari segi pendidikan dan telah membuka lanskap baru kehidupan seorang anak kampung.

Beliau, telah mendapat Pendidikan Rendah di SK Iboi Pelandok, Simunjan (1961-1966). Kemudian telah melanjutkan pelajaran ke SMK Green Road, Kuching (1967-1971) dan SMB St Joseph, Kuching (1972-1973). Dalam bidang pengajian tinggi beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (1974-1977) dengan memperolehi BA (Hons) dalam bidang Pengajian Melayu dan Diploma Pendidikan. Pada tahun 1986/1987, beliau telah memperolehi Sarjana Pendidikan dalam bidang Pengajian dan Pentadbiran Pendidikan di Universiti Bristol, United Kingdom.

Sepanjang tempoh perkhidmatan selama 36 tahun 8 bulan, beliau telah berkhidmat di 16 stesen yang berlainan. Beliau telah memulakan perkhidmatan pada 3 Januari 1978 dan bersara pada 17 Ogos 2014. Antara stesen-stesen yang beliau pernah berkhidmat adalah di 4 buah Sekolah Menengah, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan Sarawak (1.1.1979 – 15.3.1982) dan Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak samada sebagai Timbalan Ketua Penolong Pengarah, Ketua Penolong Pengarah atau Ketua Sektor yang berlainan (1985-2006). Beliau juga pernah bertugas sebagai Pegawai Pendidikan Bahagian di 3 buah Jabatan Pendidikan

Bahagian iaitu Bahagian Limbang (1.12.1987-15.5.1992), Bahagian Kuching/Samarahan (1.4.1996-30.6.2000) dan Bahagian Bintulu (16.1.2003-31.12.2003). Beliau bertugas sebagai Pengarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching (16.10.2006-28.2.2011) dan kemudian dilantik sebagai Pengarah Pendidikan Negeri (1.3.2011 – 17.8.2014). Dalam bidang Pendidikan beliau telah dianugerahkan Tokoh Kepimpinan Pendidikan Negeri Sarawak 2018.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada 1 Julai 2017. Pengalaman luas dalam bidang Pengurusan dan Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan Perguruan diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjalankan tugas sebagai Ahli Suruhanjaya. Pegangan hidup beliau ialah ;

**“ILMU MENGATUR PENGETAHUAN,
KEARIFAN MENGATUR KEHIDUPAN”**

**“YOU NEVER FAIL UNTIL
YOU STOP TRYING”**

8. LENSEA



Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urus setia SPANS bertafakur selama 1 minit sebagai penghormatan kepada Allahyarham Tuan Haji Mohd Tazuddin bin Haji Junaidi yang telah kembali ke rahmatullah pada 22 Mei 2020 semasa Mesyuarat SPANS Bil.4/2020 pada 15 Julai 2020.



Pengerusi mengakhiri mukadimah dalam Mesyuarat SPANS Bil.4/2020 dengan menyatakan bahawa “Sebagai sebuah institusi tertinggi yang diamanahkan untuk mengawal disiplin dalam perkhidmatan awam, SPANS perlu memastikan kehadirannya dirasai oleh warga PANS dan PBT. Dalam memantapkan peranan dan keberkesanan tanggungjawab ini, SPANS perlu memikirkan pewujudan fungsi inspektorat bagi memantau masalah disiplin. Dalam hal ini SHRU, SAG dan SPANS perlu bekerjasama erat dan mengembleng kepakaran dalam merealisasikan usaha sedemikian.”



Sesi Temuduga Kenaikan Pangkat yang diadakan di hotel terkemuka di Bandaraya Kuching pada 7 Julai 2020. SPANS menyahut seruan kerajaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi domestik khususnya terhadap pengusaha hotel yang terjejas teruk sepanjang pelaksanaan PKP dan PKPD.



Mesyyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Jabatan Bil.2/2020 yang menekankan inisiatif Jabatan dalam meningkatkan integriti dan membendung salah laku warga kerja SPANS dalam aktiviti yang menjejaskan perkhidmatan awam.

Majlis Angkat Sumpah dan menandatangani Aku Janji Penjawat Awam dan Akta Rahsia Rasmi oleh Cik Jesper Biah ak Uli pada 14 Julai 2020



Temuduga kenaikan pangkat bagi jawatan Pegawai Tadbir Gred VU6 – Gambar menunjukkan YBhg Datu Ik Pahon sedang menjalani SOP sebelum temuduga dan membuat pendaftaran temuduga melalui sistem.



– SPANS at your service, Speed & Accuracy our priority –
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK



**Ceramah Kesan
Pandemik terhadap
Penjawat Awam oleh
Dr. Shapiee @ Shafie
bin Haji Lugom
– 23 Julai 2020**

**Pertukaran Dalaman
Majlis serah tugas
antara Cik Maureen,
Puan Stepfanie dan
Puan Fiona pada
10 Ogos 2020**



**Sesi Perbincangan Penerbitan
Buku Sambutan Ulangtahun ke 60
tahun Penubuhan SPANS yang
dipengerusi YBhg Datu Romie
Sigan Daniel
– 8 September 2020**

**Program/Aktiviti sempena Mesyuarat GMAC
Bil.2/2020 bertempat di Damai Beach Resort
pada 26 – 28 Ogos 2020**



— SPANS at your service, Speed & Accuracy our priority —
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK



**Lawatan sambil belajar ke *State Record Repository*
Pustaka Negeri Sarawak pada 15 September 2020**

— SPANS at your service, Speed & Accuracy our priority —
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK



Penggunaan Aplikasi MySejahtera sebagai SOP memasuki Pejabat SPANS – 15 September 2020



Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Hutan berkenaan pengambilan Pelatih Pengawas Hutan – 30 September 2020



Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Perbendaharaan Negeri – 15 September 2020



Ceramah berkaitan Kebankrapan oleh pihak Jabatan Insolvensi – 18 September 2020



Aktiviti Pengurusan Rekod Arkib dan Persediaan untuk Pewasapan Bilik Fail oleh Pustaka Negeri Sarawak – 30 September dan 1 Oktober 2020



Majlis Perjumpaan Bersama Setiausaha SPANS dan Penghargaan Pegawai APC 2019 iaitu Cik Julia Ho bt Mohd Jeffri, Puan Rosemaria ak Jeron dan Encik Welfread Semister ak Hong Ping, Majlis Penyerahan Sijil Mentor Mentee 2020 dan Majlis Sambutan Hari Lahir Warga SPANS Jan – Sept 2020

— SPANS at your service, Speed & Accuracy our priority —
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

9. OBITUARI



*Mendiang Encik Matthias
Bakon @ Bakun Ak Utom*

Mendiang Encik Matthias Bakon @ Bakun ak Utom merupakan bekas seorang Penjawat Awam Negeri Sarawak dan mantan Ahli Suruhanjaya, telah meninggal dunia pada 13 September 2020 (Ahad).

Mendiang dilahirkan di Bandar Bintulu pada 12 Julai 1952 telah menghembuskan nafas terakhir pada usia 68 tahun 2 bulan di kediaman beliau di 1180B Lucky Tower, Tanjung Batu, Bintulu. Jenazah beliau di bawa balik ke Rumah Meikle Ding Sekuta untuk dikebumikan. Mendiang meninggalkan seorang balu dan 3 orang anak.

Semasa hayat beliau, Mendiang telah berkhidmat di beberapa jabatan Negeri dan Persekutuan selama 25 tahun dan 12 tahun sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

Kerjaya Mendiang bermula sebagai Guru Pelatih pada tahun 1972 hingga 1973. Mendiang kemudiannya berkhidmat sebagai *Information Officer* (1973 hingga 1975) dan *Civic Development Officer* (1976 hingga 1998) di Pejabat Daerah Bintulu. Setelah Mendiang bersara atas pilihan sendiri pada 01 Januari 1998, Mendiang berkhidmat di Borneo Pulp & Paper Sdn Bhd pada tahun 1998 hingga 2000.

Pengerusi, Ahli SPANS dan staf menzahirkan kesedihan di atas pemergian Mendiang.

SIDANG REDAKSI

Penaung
Datu Abdul Ghafur bin Shariff

Penasihat
Datu Abdillah bin Adam

Ketua Editor:

Fathi bin Haji Hambali

Timbalan Editor :

Mohamad Azlan bin Haji Madihi

Ahli-Ahli

Khairul Ridza bin Haji Wahed
Amrul bin Haji Yusup
Muhammad Akmal bin Ismani
Dayang Nur Asnida binti Awang Iman